

Majlis konvokesyen UPM 26-29 Oktober ini

SERDANG - Sebanyak 7,149 graduan akan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen ke-37 Universiti Putra Malaysia



(UPM) bermula 26 hingga 29 Oktober ini di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul

Aziz Shah UPM di sini.

Menurut Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Mohd. Fauzi Ramelan berkata, daripada jumlah itu, seramai 440 orang akan menerima ijazah doktor falsafah, ijazah sarjana (2,197), ijazah sarjana muda (4,158) dan diploma (354).

"Majlis Konvokesyen kali ini



FAUZI

diadakan sebanyak lapan sesi. Kali ini juga dilihat peningkatan jumlah graduan ijazah, manakala penurunan untuk graduan diploma," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Majlis akan disem-purnakan oleh Tuanku Canselor UPM, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Baginda juga berkenaan mengurniakan Pingat Emas Canselor dan Pingat Emas Alumni kepada Muhammad Syawal Amran daripada program Ijazah Pendidikan, Anugerah Pelajaran Diraja kategori Bumiputra kepada Siti Zubaidah Mohamed Isa (Doktor Perubatan) manakala bagi kategori bukan Bumiputra, pelajar daripada program Ijazah Sains Pertanian, Boey Tze Zhou.